

agro



MOHD LAZIM SAID bersama lembu jenis *Droughtmaster* yang diterimanya di Kampung Kubang Tiga Padang Besar, Perlis.



MOHD LAZIM SAID menunjukkan rumput silaj yang diberikan kepada lembu sebagai makanan tambahan.

AI bantu penternak

Mohd. Lazim miliki 30 baka lembu luar negara melalui pernian beradas

KIRA-KIRA 30 tahun dahulu, Mohd. Lazim Said, 60, berasal dari Kubang Tiga, Padang Besar, Perlis, hanyalah penternak lembu biasa seperti kebanyakan orang kampung yang lain. Ia sebagai sumber pendapatan tambahan di samping menanam padi. Lembu yang ditanak pula merupakan baka tempatan yang kecil dan kurang mendatangkan keuntungan. Selanghala suatu hari, Mohd. Lazim

Oleh **SHARILFUDDIN SAARI**

diperkenalkan dengan teknik pernian beradas (AI) oleh seorang pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang berjaya mengubah tangapannya selama ini terhadap penternakan lembu. "Bahrulah saya tahu, penternakan lembu sebenarnya mampu menjana

KAEDAH AI

● Kenal pasti lembu betina yang datang berahi menerusi tanda-tanda tertentu.



● Isi tiub berisi air mani ke dalam pistol AI dan dimasukkan ke dalam 'cincin' rahim dengan tangan kanan.



● Suntik perlahan-lahan ke tiga arah rahim iaitu 'tanduk' kiri, kanan dan tengah.



● Masukkan tangan kiri dengan sarung tangan dan pegang rahim lembu betina.



teknik AI boleh memperoleh pendapatan dua kali ganda berbanding penternakan dilakukan secara tradisional.

Lebih menarik, jika dabulu Mohd. Lazim hanya mempunyai baka lembu jenis tempatan yang dikacuk dengan baka Brahman, dia kini memiliki lebih 30 ekor lembu pedaging ternama luar negara seperti *Charolais*, *Angus*, *Limousin* dan *Droughtmaster*.

"Kesemua baka lembu ini adalah hasil beberapa generasi kacukan sejak mula saya menernak lembu (30 tahun) dengan betinanya adalah baka *Keedah*-*Kelantan*."



Penternakan lembu pula hanyalah satu kerjaya yang 'biasa-biasa' sahaja melainkan jika seseorang penternak itu menggunakan

pendapatan yang lumayan. Daripada saat itu, saya memberi tumpuan sepenuhnya kepada penternakan lembu," katanya ketika ditemui Mego baru-baru ini. Bagi Mohd. Lazim, adalah satu kerugian buat seorang pesawah seperti yang tidak menernak haiwan ruminan seperti lembu dan kambing kerana boleh memberi tambahan pendapatan.

"Ini kerana terdapat banyak jerami padi yang hanya dibakar setiap kali musim menuai sedangkan ia boleh dijadikan makanan ternakan. "Apatah lagi di Perlis yang sebahagian besar penduduk kampung menanam padi," katanya. Ujar Mohd. Lazim, penternakan lembu pula hanyalah satu kerjaya yang biasa-biasa sahaja melainkan jika seseorang penternak itu menggunakan teknologi seperti AI.

Banyak manfaat diperolehnya menerusi teknologi itu kerana dia boleh memilih baka bermutu tinggi dari luar negara untuk tujuan mendapatkan anak-anak lembu yang lebih baik.

"Anak-anak lembu yang baik pula menjamin tumbesaran yang pantas selain saiznya lebih besar dan lebih daging dengan berat kira-kira 700 kilogram seekor.

"Ika seekor lembu daging tempatan boleh dijual pada harga RM3,000 seekor apabila berusia dua tahun tetapi lembu baka luar yang dibiak melalui AI, boleh mencecah RM6,000 seekor," ujarnya.

Ini bermula, kata Mohd. Lazim, seseorang penternak yang menggunakan

teknologi seperti AI. Banyak manfaat diperolehnya menerusi teknologi itu kerana dia boleh memilih baka bermutu tinggi dari luar negara untuk tujuan mendapatkan anak-anak lembu yang lebih baik."

teknologi seperti AI. Banyak manfaat diperolehnya menerusi teknologi itu kerana dia boleh memilih baka bermutu tinggi dari luar negara untuk tujuan mendapatkan anak-anak lembu yang lebih baik."

Mohd. Lazim menyasarkan dapat menjual 10 ekor lembu setahun dengan harga purata RM6,000 seekor dan pada masa sama mengelakkan populasi haiwan ternakannya berdasar kemampuan kira-kira 30 ekor.

"Berdasarkan jumlah itu, saya akan mengimbangkan bilangan jantan dan betina dengan nisbah 5:30. Sudah tentu pendapatan diperoleh ini lebih lumayan berbanding seseceh kerja makan gaji," katanya tersenyum.

Gambar **MUHAMAD IQBAL ROSLI**

agro



RAHIM SAAD memasukkan tiub semen lembu ke dalam alat penyuntik khas semasa lputan mengenai teknik Pernian Berhad (AI) ke 235 lembu ternakan di Kubang Tiga di sini, baru-baru ini.

Bekas pegawai JPV bantu bimbing teknologi AI

PERMANIAN beradas (AI) yang merupakan teknik memasukkan air mani lembu jantan ke dalam rahim lembu betina boleh mencapai sehingga 60 peratus kejayaan kebuntingan.

Menurut seorang pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menawarkan perkhidmatan AI, **Rahim Saad**, dengan itu, penternak dapat menjimatkan masa dan tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan anak-anak lembu.

"Asalkan kita mengikut cara-cara ditetapkan, insya-Allah lembu betina akan bunting tanpa kehadiran lembu jantan," katanya.

Rahim berkata, banyak kebajikan boleh diperoleh dengan menggunakan teknik AI antaranya adalah penternak bebas memilih baka anak lembu yang dikehendaki.

"Pilih sahaja baka lembu terbaik

luar negara yang disukai seperti *Charolais*, *Angus*, *Limousin* dan *Belgim Blue* dan boleh dilakukan dengan lembu milik penternak," katanya.

Di Perlis, ujar beliau, semakin ramai penternak yang beralih kepada penggunaan AI berbanding cara mengawan tradisional kerana lebih mendatangkan keuntungan.

Beliau sendiri mempunyai kira-kira 50 pelanggan terdiri dalam kalangan penternak lembu yang sering mendapatkan perkhidmatannya untuk menyuntik AI.

"Bagi perkhidmatan suntikan ditawarkan, biasanya caj RM50 akan dikenakan bagi setiap ekor lembu di ladang," katanya.

Mereka yang berminat mendapatkan perkhidmatan suntikan AI boleh menghubungi beliau di talian 017-424 592.

